



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS ASPEK KEINDAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PANTUN MELAYU GUBAHAN LOO MUN BERASASKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU

GOH HIN SAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS ASPEK KEINDAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PANTUN
MELAYU GUBAHAN LOO MUN BERASASKAN TEORI PUITIKA
SASTERA MELAYU

GOH HIN SAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)

INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنڤرسيتي قنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **10 SEPTEMBER 2024**

i. Perakuan Pelajar

Saya, **GOH HIN SAN (M20201000439) INSTITUT PERADABAN MELAYU**

Dengan Ini Mengaku Bahawa Disertasi/Tesis Yang Bertajuk **ANALISIS ASPEK KEINDAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PANTUN MELAYU GUBAHAN LOO MUN BERASASKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau ke mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan Pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROFESOR DR. AZHAR BIN WAHID** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **ANALISIS ASPEK KEINDAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PANTUN MELAYU GUBAHAN LOO MUN BERASASKAN TEORI PUITIKA SASTERA MELAYU** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian / sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA SASTERA**.

10/9/2024

Tarikh

Profesor Dr. Azhar Hj. Wahid
Tandatangan Penyelia
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: **ANALISIS ASPEK KEINDAHAN DAN NILAI MURNI DALAM PANTUN
MELAYU GUBAHAN LOO MUN BERASASKAN TEORI PUITIKA
SASTERA MELAYU**

No. Matrik / Matric's No.: **M20201000439**
Saya / I : **GOH HIN SAN**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.

The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris

2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.

Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.

3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.

The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

☒ **TIDAK TERHAD/OPEN ACCESS**



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: **10/9/2024**



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Rasmi / Name & Official Stamp)

Professor Dr. Azhar Ali Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Saya berasa amat gembira dan bersyukur kerana hasil kajian ini dapat saya sempurnakan penulisannya. Sebagai seorang pelajar yang sudah berusia, saya menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan untuk menyiapkan kajian ini. Tanpa bimbingan daripada penyelia Profesor Dr. Azhar Wahid pensyarah di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI yang banyak membantu saya khususnya dari segi gaya penulisan, penggunaan bahasa dan ejaan telah memudahkan kerja-kerja saya menyiapkan kajian ini. Dalam menyiapkan kajian ini saya sangat terhutang budi kepada isteri saya atas sikap memahami kesibukan saya serta sentiasa memberi dorongan agar saya berjaya dalam pengajian ini. Demikian juga anak-anak yang dikasihi, rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan galakan. Penghargaan dan terima kasih ingin saya berikan kepada Profesor Dr. Abdul Halim Ali yang telah memberi tunjuk ajar terutama berkaitan dengan Teori Puitika Sastra Melayu. Secara khususnya ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Profesor Dr. Azhar Wahid, penyelia kajian saya ini yang telah memberikan buah fikir yang amat berguna dan membimbing saya dengan cemerlang dalam usaha saya ini. Sikap keterbukaan dalam dunia akademik seperti yang ditunjukkan beliau amat saya hargai. Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan buat beberapa orang pensyarah seperti Prof. Madya Dr. Norjietta Taisin (UPSI) dan Dr. Rahimah Hamdan (UPM) atas bimbingan yang diberikan bagi saya memahami lebih mendalam tentang pantun Melayu serta aspek-aspek yang berkaitan dengan agama Islam. Saya berharap hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan yang penting dalam menyemarakkan kefahaman masyarakat bukan Melayu di negara ini terhadap keunikan dan keistimewaan pantun Melayu dalam kehidupan kita. Sekian, terima kasih.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pantun-pantun Melayu gubahan Loo Mun @ Goh Thean Chye dari aspek keindahan bahasa, bentuk, nilai murni dan keindahan dalam mengajar dan mendidik. Analisis pantun ini bersandarkan konsep keindahan mengajar dan mendidik yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh dalam teori *Puitika Sastera Melayu* (1989). Kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif digunakan bagi menganalisis dan menghuraikan 121 buah pantun dalam buku *Pantun Melayu* (1961) gubahan Loo Mun dari aspek-aspek keindahan bahasa, bentuk dan nilai murni serta keindahan dalam mengajar dan mendidik. Hasil kajian menunjukkan keindahan pantun-pantun dari segi bahasa secara dominan terletak pada unsur metafora, perlambangan, personifikasi, peribahasa dan simili. Keindahan dari sudut bentuk pula dapat dikesan pada jumlah perkataan, baris dan suku kata yang seimbang dan sekata. Keindahan ini sejajar dengan konsep keindahan puisi yang disarankan oleh Muhammad Haji Salleh, iaitu sama ukuran, dunia berjodoh, muzik seiring kata (rima) serta sesuai dan patut. Analisis juga dapat mengesankan empat belas nilai murni yang dominan dalam pantun yang dikaji. Nilai-nilai murni ini dapat dibuktikan membawa nilai pengajaran dan pendidikan terutama membimbing masyarakat bersikap rasional dalam amalan kehidupan. Hasil kajian ini sangat penting dijadikan sumber bagi memahami masyarakat pelbagai kaum terhadap keunikan dan keistimewaan pantun Melayu yang boleh dijadikan wadah perpaduan kaum di Malaysia.

ANALYSIS OF BEAUTY ASPECTS AND MORAL VALUES IN MALAY PANTUN COMPOSED BY LOO MUN'S BASED ON THE THEORY OF PUITIKA SASTERA MELAYU

ABSTRACT

This study aims to analyze the Malay pantun composed by Loo Mun @ Goh Thean Chye from the beauty of language, form, virtue and beauty in teaching and educating. The analysis of this pantun is based on the concept of the beauty of teaching and educating proposed by Muhammad Haji Salleh in the theory of *Puitika Sastera Melayu* (1989). Content analysis and descriptive analysis methods were used to analyze and describe of 121 pantuns in the book of *Pantun Melayu* (1961) composed by Loo Mun from the aspects of beauty, form, language as well as beauty in teaching and educating. The results of the study show that the beauty of the pantun in terms of language is dominantly based on the elements of symbolism, proverbs and metaphors. The beauty of form can be detected in the number of words in lines, lines and word syllables that are balanced and even. This beauty is in line with the concept of the beauty of poetry suggested by Muhammad Haji Salleh which is the similar measurements, matching worlds, the music goes with the words (rhymes) and is suitable and appropriate. The analysis can also reveal fourteens dominant moral values in the pantun, which are rational, love, tolerance, patriotism, etc. These moral values can be proven to bring the value of teaching and education, especially guiding the community to be rational. The results of this study are significant to be used as unity tools of multiracial communities in Malaysia to understand the uniqueness and special features of Malay pantun.

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Pernyataan Masalah	17
1.4 Objektif Kajian	20
1.5 Persoalan Kajian	20
1.6 Batasan Kajian	21
1.7 Definisi Operasional	22
1.7.1 Nilai Didaktisme	23
1.7.2 Pantun Melayu	23
1.7.3 Keindahan dalam Mengajar dan Mendidik	25

1.7.4	Nilai Murni	26
1.7.5	Tema dan Persoalan	27
1.8	Kepentingan Kajian	28
BAB 2 TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	30
2.2	Sorotan Kajian Lalu Berkaitan Pantun Melayu Gubahan Goh Thean Chye	31
2.3	Kajian Lalu Berkaitan Penggunaan Teori Puitika Sastera Melayu dalam Pantun atau Puisi	40
2.4	Kajian Lalu Berkaitan Gaya Bahasa dalam Pantun Melayu	42
2.5	Kajian Lalu Berkaitan Nilai Murni dalam Pantun Melayu	44
2.6	Rumusan	47
BAB 3 METHODOLOGI KAJIAN		
3.1	Pendahuluan	48
3.2	Reka Bentuk Kajian	49
3.3	Sumber Data dan Analisis Data	51
3.3.1	Keunikan Gubahan Pantun Pengarang Loo Mun	52
3.3.2	Unsur Keindahan dalam Pantun Melayu	52
3.3.3	Nilai Murni	52
3.4	Biodata Loo Mun @ Goh Thean Chye	53
3.5	Latar Belakang Teori Puitika Sastera Melayu	56
3.6	Nilai Murni	63
3.6.1	Penaakulan Moral	64
3.6.2	Emosi Moral	64
3.6.3	Perlakuan Moral	64
3.7	Kaedah Analisis data	66
3.8	Rumusan	67

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	69
4.2	Keindahan Pantun dari Aspek Gaya Bahasa	70
4.2.1	Unsur Metafora	71
4.2.2	Keindahan Peribahasa	79
4.2.3	Unsur Personifikasi	82
4.2.4	Unsur Pengulangan	85
4.2.5	Unsur Simile	90
4.3	Keindahan Pantun dari Aspek Bentuk	93
4.3.1	Pembayang Lebih Kurang Sama Suku Kata dengan Maksud (Ideal)	95
4.3.2	Suku Kata Pembayang Lebih Panjang dari Maksud	97
4.3.3	Asonansi, Aliterasi dan Rima	100
4.4	Nilai Murni dalam Pantun yang Bersifat Mengajar dan Mendidik	107
4.4.1	Pemetaan Nilai Murni dalam Pantun	112
4.4.2	Analisis Nilai Murni dalam Pantun Berasaskan Konsep Keindahan dalam Mengajar dan Mendidik	124
4.4.2.1	Nilai Kepercayaan kepada Tuhan	126
4.4.2.2	Nilai Bertanggungjawab	128
4.4.2.3	Nilai Berhemah Tinggi	130
4.4.2.4	Nilai Kasih Sayang	132
4.4.2.5	Nilai Kejujuran	141
4.4.2.6	Nilai Kerajinan	143
4.4.2.7	Nilai Kerjasama	145
4.4.2.8	Nilai Kesederhanaan	147

4.4.2.9	Nilai Toleransi	149
4.4.2.10	Nilai Harga Diri	151
4.4.2.11	Nilai Kebebasan	154
4.4.2.12	Nilai Patriotisme	157
4.4.2.13	Nilai Rasional	159
4.5	Rumusan	169
BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pendahuluan	173
5.2	Rumusan	174
5.3	Perbincangan	175
5.3.1	Unsur Gaya Bahasa Sebagai Teras yang Menunjangi Keindahan Pantun Gubahan Loo Mun	176
5.3.2	Keindahan yang Bersifat Mengajar dan Mendidik	177
5.4	Kesimpulan	179
5.5	Cadangan	180
RUJUKAN		182
LAMPIRAN		188

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
4.1	Perkaitan Nilai Murni dengan Rangkap Pantun	112
4.2	23 Nilai Murni Kasih Sayang dalam Pantun	114
4.3	14 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murnia Kasih Sayang Kepada Ahli Keluarga	116
4.4	7 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Harga Diri	117
4.5	6 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Toleransi	117
4.6	Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Kejujuran	118
4.7	2 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Cinta Kepada Negara	118
4.8	2 Rangkap Pantun Berkaitan Aspek Penglibatan Kepada Pembangunan Negara	119
4.9	4 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Kerajinan	119
4.10	3 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Kerjasama	120
4.11	3 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Berhemah Tinggi	120
4.12	2 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Bertanggungjawab	121
4.13	2 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Kebebasan	121
4.14	1 Rangkap Pantun Berkaitan Kepercayaan Kepada Tuhan	121
4.15	2 Rangkap Pantun Berkaitan Nilai Murni Kesederhanaan	122
4.16	Bilangan Rangkap Nilai-nilai Murni Berdasarkan Pantun Gubahan Loo Mun	123



4.17	12 Nilai-nilai Murni Berdasarkan Pantun Gubahan Loo Mun	126
------	---	-----



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
3.1	Reka Bentuk Kajian	51
3.2	Kerangka Konseptual	62

SENARAI SINGKATAN

ASN	Anugerah Sastera Negara
DSKP	Dokumen Standard Penaksiran
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PERSPEKTIF	Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

A Kulit Buku 'Pantun Melayu di-Gubah oleh Loo Mun'

BAB 1

PENGENALAN

Pantun merupakan sejenis genre puisi Melayu tradisional yang dimiliki bangsa Melayu sejak zaman berzaman dan diwarisi sebagai pusaka bangsa Melayu yang asli dan tinggi mutunya. Namun begitu, permulaan sejarah pantun Melayu sebagai seni sastra popular di alam Melayu masih agak kabur (Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay (2020, ms.1). Oleh itu, sarjana bahasa dan sastra percaya bahawa pantun Melayu memuncak melalui pertumbuhan Empayar Melayu Melaka antara 1400-an hingga 1500-an (Salleh, 2014). Secara kebetulan, ini juga merupakan tempoh apabila pantun Melayu yang paling terkenal dan abadi pertama kali direkodkan. Pantun diiktiraf oleh para sarjana sebagai sebuah warisan yang keasliannya dimiliki oleh bangsa Melayu (Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay (2020, ms.1).

Malahan, pada bulan Disember 2020, pantun telah diiktiraf sebagai warisan tidak ketara oleh pihak UNESCO.

Sebagai warisan asli bangsa Melayu, pantun lahir daripada kreativiti masyarakat Melayu itu sendiri tanpa dipengaruhi oleh tradisi asing. Pantun diterima umum sebagai puisi ciptaan asli orang Melayu bukan saduran atau penyesuaian daripada puisi-puisi Jawa, India, Cina dan sebagainya (Harun Mat Piah, *et al*, 2000, ms.112). Menurut Abdul Halim Ali (2015) pantun merupakan puisi Melayu tradisional yang paling popular berbanding jenis-jenis puisi tradisional Melayu yang lain. Populariti pantun melewati zaman tradisionalnya, malah hadir dalam masyarakat Melayu moden melalui peluasan aspek tema dan fungsi.

Menurut Harun Mat Piah (1989) pantun menjadi salah satu bentuk puisi tradisional yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu sebagai bukti keintelektualan mereka dalam bentuk lisan yang tetap utuh sehingga ke hari ini. Pernyataan ini diperkuat oleh Muhammad Haji Salleh (1999) yang berpendapat bahawa ‘pantun’ merupakan puisi yang diwarisi secara turun-temurun dan digunakan oleh semua kelompok masyarakat tanpa mengira hierarki dan latar belakang. Secara tidak langsung, kehebatan pantun membuktikan kebijaksanaan masyarakat Melayu yang sentiasa *evergreen* sehingga ke hari ini hasil luahan interaksi manusia dengan alam sekelilingnya.

Siti Hajar Che Man (2013) menyebut pantun sebagai hasil kreatif manusia Melayu yang terawal dan khazanah silam yang amat bernilai, melambangkan kehebatan pemikiran kreatif manusia Melayu yang tinggi nilai sasteranya. Malahan, pantun turut



mengandungi nilai dokumentari yang tiada tandingannya. Bahkan, pantun merupakan salah satu genre asli kesusasteraan yang menjadi wahana bagi pengucapan dalam pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Tidak ketinggalan juga pantun dijadikan alat ekspresi bagi kehidupan yang lebih tinggi, iaitu moral dan agama, aspek-aspek yang lebih kompleks yang membawa kepada pemikiran kosmologi dan kosmogoni yang lebih bersifat abstrak berbanding kehidupan seharian. Istimewanya pantun ternyata dapat merakam cara hidup dan aktiviti kehidupan dengan mengeksploitasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingkungi persekitaran setempat.

Kehebatan pantun yang padat dengan garapan makna menerusi pemilihan kata yang padu turut diabsahkan oleh sarjana Barat. Daillie (1988) misalnya berpendapat bahawa pantun adalah puisi yang merangkumkan keseluruhan idea lengkap seperti alam semester yang ringkas. Ketakjuban sarjana Barat terhadap keunikan pantun turut diperjelaskan seperti dalam petikan di bawah:

Despite this apparent simplicity, generations of Europeans and Southeast Asians have found themselves ensnared by the pantun's enigmatic charms, and convinced it provides a unique window on to the 'soul' of the Malays, being 'the essential vehicle of [Malay] traditional culture and the most familiar and commonly shared expression of their civilisation'.

(Daillie 1988, ms.151)

Maka, tidak hairanlah jika pantun sentiasa mendapat tempat dalam kalangan pengarang-pengarang Melayu, antaranya dalam karya historiografi Melayu dan beberapa genre lain dalam korpus Kesusasteraan Melayu Tradisional. Hal ini demikian kerana pantun dapat menjadikan sesuatu peristiwa yang dikarang lebih indah dengan paduan nilai estetika tanpa mengubah tujuan kepengarangannya seperti beberapa karya





historiografi Melayu seperti *Hikayat Raja-raja Pasai*, *Sulalatus Salatin* (Sejarah Melayu), *Bustanus Salatin* dan beberapa yang lain. Keunikan pantun turut mendapat perhatian kaum lain di alam Melayu terutama apabila berlakunya penghijrahan besar-besaran kaum Cina dan India semasa kolonialisasi British pada abad ke-19 Masihi. Pantun berasimilasi dengan penggunaan ‘bahasa pasar’ (*bazaar Malay*) yang dituturkan oleh golongan ini sehingga membentuk kelainan kepada bentuk yang asal (Muhammad Salleh, 1991). Tambahan pula, kemunculan pantun peranakan memperhebat perkembangan pantun di alam Melayu sehingga menjadikan bentuk ini milik semua masyarakat tanpa mengira batas keturunan dan kelas masyarakat (Salmon 1978; Oong, 1996; Tan, 1980) dan lain-lain.

Menurut Ding (2008), terdapat satu bentuk pantun yang dihasilkan oleh golongan Baba-Nyonya yang dinamakan sebagai ‘Pantun Peranakan’. Mereka dipanggil ‘Peranakan’ kerana mengamalkan kebudayaan warisan tradisi Cina yang diasimilasi dengan pengaruh kebudayaan Melayu (Sa’adiah Ma’alip & Rahilah Omar 2018, ms. 313). Maka dengan itu, pantun ini digunakan oleh mereka untuk melahirkan perasaan cinta, kasih, rindu dan pelbagai perasaan yang terbungkam dalam diri menggunakan metafora flora dan fauna. Kenyataan ini diistilah oleh Ding (2008) sebagai ‘kesamaan dalam kepelbagaian’ jika perbandingan dibuat dengan pantun Melayu. Justeru, ini memperkuat tarikan pantun kepada masyarakat di alam Melayu sehingga turut mendapat tempat dalam kalangan penulis Cina yang lain antaranya Loo Mun (nama pena).





1.2 Latar Belakang Kajian

Pantun amat popular dan dikenali sebagai penunjuk imej masyarakat Melayu yang terbukti menjadi mercu tanda tamadun dan nilai budaya yang tinggi. Pantun dalam masyarakat Melayu berperanan sebagai wadah yang amat bermakna untuk mengkomunikasikan pelbagai peringkat kehidupan yang dilalui oleh masyarakat. Menerusi pantun, manusia berinteraksi dengan alam dan manusia secara langsung dan tidak langsung. Dalam kesusasteraan Melayu, terdapat beberapa unsur keindahan estetika yang sering digunakan dalam pantun dan karya sastra yang lain. Elemen seperti keindahan bahasa paling banyak dibincangkan kerana pantun Melayu sering menggunakan bahasa yang indah dan berirama. Penggunaan kata-kata yang lancar, rima yang harmoni dan irama yang baik menjadikan rima pada pantun terdengar indah dan menarik.

Selain itu, irama dan bunyi dalam pantun Melayu mempunyai irama yang tersendiri antaranya pengulangan bunyi atau corak rima tertentu. Corak rima seperti a/b/a/b digunakan untuk memberi keindahan kepada bunyi dan irama pantun. Pantun juga mempunyai unsur perlambangan simbol dan metafora untuk menyampaikan maksud secara halus. Bahkan, Metafora boleh menggambarkan keindahan alam semula jadi, perasaan cinta atau situasi sosial dengan cara yang indah dan memikat. Keindahan alam semula jadi yang menjelaskan tentang alam dan unsur alam sering digunakan dalam puisi sebagai sumber keindahan dan inspirasi. Pemandangan semula jadi, seperti bunga, sungai, bulan atau bintang, sering digambarkan dengan kata-kata yang indah untuk mewujudkan suasana yang menyenangkan. Keindahan emosi dan perasaan dalam sajak Melayu juga sering menggambarkan perasaan, cinta, rindu, atau kesedihan



dengan cara yang indah. Maka dengan itu, ekspresi emosi dan perasaan yang mendalam boleh mencipta keindahan dalam pantun.

Pantun adalah satu bentuk puisi yang indah dan popular dalam budaya Melayu yang sering dideklamasikan semasa majlis keramaian, majlis perkahwinan, malah dalam perbualan seharian. Sejarahanya yang kaya dan dihargai kerana aliran berirama dan berupaya untuk menangkap emosi dan cerita dengan cara yang ringkas. Pantun biasanya terdiri daripada empat baris dengan skema rima a/b/a/b, bermakna baris kedua dan keempat berima antara satu sama lain. Setiap baris terdiri daripada lapan hingga 12 suku kata dan selalunya berlaku jeda atau perubahan pemikiran antara dua baris pertama (pembayang) dan dua baris kedua (maksud). Pantun terkenal dengan sifatnya yang ringkas dan lirik, sering menyampaikan kebijaksanaan, jenaka, atau sentimen

Dipercayai bahawa penulis Cina menyumbang kepada perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu dari awal abad ke-20 hingga dua atau tiga dekad yang lalu. Kumpulan Baba, misalnya menghasilkan beberapa puisi dan pantun dalam bahasa Melayu bagi menyesuaikan cara hidup mereka dengan budaya penduduk tempatan. Asal usul adat ini boleh didapati di Pulau Pinang dan Melaka malah ada ahli keluarga Baba ini yang giat melakukan Dondang Sayang dan kemudiannya mencapai kemasyhuran. Sehingga akhir hayatnya, Baba Kim Teck dianggap sebagai tokoh dondang yang disegani.

Di samping itu, pengarang Cina juga telah mencipta kamus Cina-Melayu yang sangat asas kerana keperluan untuk memahami bahasa Melayu. Kemudian, pencipta



kamus yang lebih berpengetahuan dan berdedikasi seperti Yang Quee Yee dari Singapura mengembangkan usaha ini. Lewis memetik sejumlah lima pantun kuatrain dan satu rangkap niat tambahan dalam tiga buku *Panduan Belajar Bahasa Melayunya*. Melalui pelbagai modulasi yang diurus dengan baik, Lewis berjaya mengekalkan kependekan dan irama pantun. Beliau memberikan pelajarinya versi pantun Melayu yang meriah bahasa Inggeris. Berikut dibentangkan empat daripada bait yang menunjukkan cara pantun tersebar ke seluruh dunia. Penghijrahan orang Melayu sebagai pendatang atau buruh ke Pulau Krismas, Cocos, Sri Lanka, Afrika Selatan, Belanda dan Suriname telah menghasilkan komposisi dan penggunaan pantun dalam melaksanakan fungsi tradisional dan baharu.

Menariknya, melalui penggunaan flora dan fauna, kandungan alam semula jadi mungkin dapat dieksploitasi dalam gubahan pantun Melayu. Memandangkan dunia berada di tangan seseorang, spektrum kreatif dalam pantun menawarkan pembuatnya ruang ekspresi emosi yang luas. Antara objektif utama kajian empirikal ini dijalankan adalah untuk menambah kanun kesusasteraan Melayu, terutamanya arkib pantun Melayu tradisional di alam Melayu. Perkara yang menjadi tumpuan unik tetapi agak mudah adalah pantun bahasa Melayu yang sebahagian besarnya tidak didokumentasikan masyarakat India Melaka Ceti Malaysia (juga dirujuk Melaka Chettis), orang India secara lahirnya beragama Hindu tetapi siapa juga memiliki bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda mereka berbanding dengan orang Melayu itu sendiri.

Kumpulan etnik majoriti Melayu-Islam selama bertahun-tahun juga memberi sedikit perhatian kepada sosiosejarah Ceti Melaka berbanding dengan orang Cina yang lebih besar dan lebih menonjol dan ahli masyarakat peranakan atau Portugis Peranakan





dalam negeri yang sama. Kini, kebanyakan masyarakat Ceti Melaka yang kecil bilangannya masih hidup dan tinggal di negeri Melaka moden, Malaysia. Masyarakat ini tinggal di sebuah perkampungan kecil di tengah-tengah bandar Melaka yang bernama Kampung Chetti. Namun, komuniti unik ini bersungguh-sungguh terus mengekalkan tradisi hidup peranakan Malaysia.

Sebagai keturunan pelaut dari benua India yang berkahwin dengan wanita tempatan alam Melayu (Gopal, 2017; Hoerder, 2002), orang Melaka Chetti *naturally adopted the local lingua franca bahasa Melayu* atau dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka bersama-sama dengan adat (atau secara harfiah, adat resam) orang Melayu, tingkah laku dan paling menarik kehebatan sastera mereka. Bukan sahaja di Melaka, Ceti berjaya mengamalkan tradisi sastera orang Melayu yang mereka temui dan tinggal bersama. Mereka juga mengadaptasi bahasa dan bentuk sastera orang Melayu untuk menjadi sebahagian daripada identiti hibrid unik mereka sendiri. Tanpa bayangan keraguan, pantun Melayu Ceti Melaka bukanlah satu paradoks malah bentuk pantun Melayu yang lebih kecil tetapi menjadi gabungan dua pandangan dunia yang unik dan dihayati pengalaman.

Pantun Chetti Melaka yang dikaji ini datangnya daripada sumber fokus pengalaman dan kenangan seorang perempuan bernama Meenachi Genasamy yang berusia hampir 90 tahun. Pertemuan di Melaka Chetti kemudiannya ditemu bual di lapangan selama lebih daripada satu tahun. Puan Meenachi kini diakui oleh kerajaan Malaysia sebagai seorang sumber hidup sastera Melayu Melaka Chetti Indians. Warisan dan muzik ‘Dondang Sayang’ merupakan satu lagi bentuk seni tradisional luar biasa yang mengandungi pantun Melayu lirik lagu dan tarian untuk hiburan. Pengkaji





mendapati tafsiran dan sejarah pantun, sejak dahulu lagi memaparkan asal usul epik Malaya turut menemui beberapa muzik yang dipelihara serupa dengan melodi yang masih hidup dari zaman pra-Islam atau al-Andalusia, tetapi dianggap lebih tua. Gabungan daripada puisi, muzik dan tarian Amazigh mungkin begitu hebat sehinggakan orang Cina konservatif pun menyesuaikan gaya muzik ini untuk seketika sebelum ia diharamkan pada abad ke-14.

Pantun sebagai hiburan, rayuan dan penceritaan berkembang menjadi seni ekspresi yang halus, kemudiannya dipengaruhi oleh budaya Cina, Sunda dan Eropah. Namun begitu, pengaruh muzik dari Malaysia tidak dihargai di mana-mana. Jabatan muzik Cina menuntut muzik Cina disimpan sebagai pentatonik tradisional semata-mata membenarkan penggunaan (nota lurus) untuk penghalusan. Masyarakat Sunda yang semakin rapuh berkembang secara beransur-ansur, mencerminkan budaya baru mereka dalam puisi dengan menggunakan unsur metafora dan simbol seperti haiwan, tumbuhan dan buah-buahan. Penggunaan kedua-dua unsur ini ternyata telah membawa kepada perbezaan penerangan.

Penyair Malaysia tanpa nama menjadi tuan dalam seni puisi metafora dan muzik sehingga menarik perhatian penyair Parsi Hafez pada abad ke-14. Malahan, pengurangan atau pemusnahan seni tarian, puisi dan muzik dengan jelas merosakkan pergerakan Kristian dan Islam di Eropah, Timur Tengah dan Afrika Utara. Pantun Malaysia pula berkembang dengan pesat dan menjadi sangat popular sehingga seni ini dipersembahkan kepada golongan bangsawan negara jiran dan dimainkan oleh rakyat biasa sebagai krontjong. Seni pantun ini kemudiannya ditulis dengan sangat menarik dalam 'Baba Melayu' dengan banyak perkataan pinjaman daripada bahasa Cina,



pantun, syair dan dondang oleh orang Cina-baba Malaysia. Mereka mula menerbitkan puisi yang dirujuk di Melaka, Singapura dan Pulau Pinang pada akhir abad ke-19 selepas teknologi percetakan dan pendidikan mubaligh diperkenalkan di alam Melayu.

Karya-karya pengarang ini, termasuk Na Tien Piet dan Siow Hay Yam, mewakili satu bab yang sangat penting dan unik dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden. Selain mempunyai nilai budaya, intelek dan sosial yang hebat ia turut menggambarkan kehidupan dan pandangan masyarakat Baba Nyonya dan hubungan mereka dengan orang Melayu. Namun, sehingga ke hari ini, perkembangan dan pertumbuhan dinamik kesusasteraan sedemikian yang menjangkau lebih setengah abad (1890-1940-an) terasing dan dianggap sebagai kesusasteraan marginal dalam sejarah kesusasteraan Melayu kerana tidak mempunyai prestij sastra dalam sastra karya pengarang Melayu. Kesan kesusasteraan Melayu terhadap kesusasteraan Rusia boleh diperhatikan dalam karya yang meniru gaya puisi Melayu seperti puisi yang ditulis oleh penyair Rusia Valery Bryusov (1873–1924), Adelina Adalis (1900–1969), Alexander Zhovtis, dan Grigory Permyakov, sekitar pergantian abad ke-19 dan ke-20.

Tanda-tanda Kepulauan Melayu dalam ciptaan Valery Bryusovl (1909) *Malayskie Pesni* (Lagu-Lagu Melayu) dilihat dengan jelas melalui aroma bunga cempaka diserap angin, pokok beringin, pisang, pandan, sawah kelap, harimau dalam semak, ombak putih di pinggir pantai. Sudah tentu, terdapat juga puisi watak dan irama muzik (Victor A. Po adaev, 2002) menerusi *Serenade Song* yang ditulis oleh Adelina Adalis menjadi salah satu puisi yang paling terkenal pada abad ke-20. Dalam bahasa Rusia pula terdapat seribu lagu memandangkan beberapa penyair Rusia kontemporari juga tertarik kepada puisi dan menggunakan rima dan irama untuk mencetak karya



mereka. Salah satu puisi tersebut adalah pantun oleh Svetlana Gorshunova (1974–2001).

Puisi Melayu juga boleh didapati dalam Malaysky Stikh (Gorshunova, 2000). Walaupun lagu-lagu rakyat ini jarang berkumandang, puisi itu masih kedengaran dalam boria, dondang sayang dan zikir barat. Sajak masih kerap digunakan oleh pengacara dan penyampai untuk memulakan, mengakhiri, dan menyelitkan ucapan di pelbagai acara dan upacara, termasuk peminangan dan upacara perkahwinan. Muhammad Haji Salleh, MD, Salleh Yaapar, Tajul Kelantan, Darus Ahmad, Harun Mat Piah, Zainal Abidin Bakar, Jamilah Ahmad, Samad Ahmad, Zakaria Hitam, Asmad, Ghazali Dunia, dan Yahya Ismail hanyalah segelintir daripada kalangan ulama Melayu yang telah mengkaji dan membincangkan perihal pantun. Manakala, R.O. Winstedt, H. Overbeck, A. Hamilton, M. G. Emies, C. Hooykaas, L. Phillip Thomas, R. J. Wilkinson, C. Hugh Holman, dan Rene Daillie adalah antara ahli akademik Barat yang hadir.

Pantun berfungsi sebagai jendela kepada cara hidup masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hanya lima buah buku besar digunakan dalam analisis penulisan bukan fiksyen wanita di Tanah Melayu kolonial ini termasuklah *Through the Malay Archipelago* (1909) oleh Emily Richings, *The Chersonese with the Gilding Off* (1885/1993), oleh Emily Innes (1843-1927), *The Golden Chersonese and The Way Thither* (1883) oleh Isabella Bird (1831- 1904), *To Siam and Malaya in the Duke of Sutherland's Yacht, "Sans peur"* (1889) dan *Malayan Landscape* (1946) oleh Katharine Sim. Hanya pengarang Sim sahaja yang membuat sebutan ringkas tentang puisi itu di *Landskap Malaya* dan kemudiannya mengembangkan menjadi sebuah buku yang



secara keseluruhannya berfungsi sebagai buku asas yang tidak ternilai untuk memahami bentuk ayat ini.

Malah, rujukan pantun atau ragam bahasa Melayu yang lain tidak boleh didapati dalam terbitan Bird, Caddy, dan Innes pada abad kesembilan belas atau yang paling kronik awal pada abad ke-20 di semenanjung Tanah Melayu. M.B. Lewis adalah satu-satunya pengarang wanita di Tanah Melayu sebelum merdeka yang memetik dan mentafsir puisi, tetapi kurang kerap daripada Sim. Oleh itu, penulisan ini ditujukan kepada dua wanita Inggeris di Tanah Melayu yang menyumbang kepada penyebaran puisi yang dikarang ketika itu untuk pembaca Inggeris. Pantun turut digemari oleh seluruh golongan dalam masyarakat, seawal usia kanka-kanak, orang muda hingga golongan tua (Edi Sedyawati et al, 2004). Dari aspek penyebaran, memperlihatkan perubahan yang lebih besar apabila pantun sudah diperluas daripada tradisi lisan, tulisan dan kemudiannya berkembang dalam bentuk biasan ekoran perkembangan era siber. Meskipun begitu, “aspek bentuk dan struktur pantun kekal sebagaimana asalnya di samping seni pengucapannya yang terus menekankan kepada susunan irama” (A. Halim Ali, 2015, ms.46).

Menurut Zahir Ahmad (2005) pantun adalah rakaman pengalaman dan pemerhatian peribadi si pemantun dalam menjalani kehidupan seharian. Pengalaman dan pemerhatian tersebut diungkapkan semula dalam baris-baris yang terhad tetapi tidak menjejaskan mesej yang hendak disampaikan. Menerusi pantun juga pengkaji dapat memahami falsafah, aliran pemikiran dan pandangan hidup masyarakat Melayu zaman berzaman. Selanjutnya, Zahid Ahmad (2005) menyebutkan bahawa luasnya ruang cakup yang diliputi oleh pantun menyebabkan kajian-kajian yang dilakukan ke

atasnya terlihat belum sampai ke penghujungnya. Sehingga kini, terdapat beberapa kajian yang dilakukan oleh sarjana, misalnya oleh Hamn Mat Piah (1989) dan juga oleh Francois-Rene Dailie (1988) yang meneliti pantun dari aspek dalaman dan juga luarannya. Kajian lain seperti yang dilakukan oleh Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (1996) melihat pantun daripada aspek akal budi Melayu. Malah, ada juga kajian yang mencuba melihat struktur ayat dalam pantun Melayu (Nik Safiah Karim, 1986).

Meskipun pantun sebagai warisan asli Melayu yang lahir dalam alam Melayu digunakan dalam kehidupan orang Melayu, namun terdapat juga dalam kalangan orang bukan Melayu yang turut menghayati dan menggunakan pantun dalam kehidupan mereka. Di Malaysia, orang bukan Melayu seperti kaum Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya sering menggunakan pantun dalam acara-acara tertentu masyarakat mereka seperti dalam acara sambutan Keamatan, acara kebudayaan atau acara-acara rasmi Kerajaan yang lain.

Pengarang Perancis bernama Henri Fauconnier pernah menghasilkan karya berjudul *Malaisie* (1930) yang menunjukkan kebijaksanaan meletakkan jiwanya dalam kesusasteraan Melayu terutama dalam aspek pantun. Karya *Malaisie* yang memenangi Hadiah Kesusasteraan Perancis, Hadiah Goncourt pada tahun sama, mengagumkan pengkaji sastera apabila mengandungi maksud baris yang mempunyai kiasan tinggi. Sasterawan Negara (SN), Prof Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh yang menterjemahkan naskhah Fouconnier itu ke bahasa Melayu dengan judul 'Nurani Tanah Melayu' menyifatkan pantun pengarang Perancis itu sebagai luar biasa. Walaupun pantun dalam bahasa Perancis tidak mengikut rima seperti pantun dalam bahasa Melayu, ia tetap mempunyai kiasan yang tinggi. *Malaisie* menyorot idealisme



pengarangnya dalam memahami dan menyelami ritual, adat serta budaya kaum di Tanah Melayu. Malaisie juga boleh dianggap rakaman keadaan Tanah Melayu sekitar awal 1900-an, iaitu ketika Henri Fauconnier berkhidmat di negara ini sebagai pengurus ladang sekitar tahun 1905 hingga 1914.

Malah, terdapat banyak kajian akademik oleh sarjana dan ahli akademik bukan Melayu yang menyusun, menggubah dan mengkaji pantun dengan pelbagai tujuan. Johari Yahaya (2015) dalam kajiannya menyebut bahawa sarjana dan penulis berketurunan Cina seperti Goh Then Chye, Liaw Yock Fang, Phoon Mun Kwong, F.L. Wong turut membantu menyebarkan kefahaman masyarakat dunia terhadap keunggulan pantun. Seorang sarjana Belanda bernama De Hollander (1893) yang mengkaji pantun pernah menyebutkan bahawa pantun mempunyai tempat khas dalam peradaban Melayu kerana menurutnya pantun merupakan ciptaan asli kaum Melayu, berbeza dengan seloka yang disadur dari peradaban India dan syair yang berasal dari peradaban Arab.

Keaslian alam Melayu inilah yang dikatakan sangat mengasyikkan oleh Victor Hugo, iaitu seorang sasterawan terkemuka Perancis yang pernah menghasilkan sebuah buku yang bertajuk *Les Orientales* pada tahun 1829, iaitu antologi sajak dan puisi bertemakan Timur. Antara puisi yang termaktub dalam antologi ini adalah 'Pantun Melayu' (*Pantoum Malais*) yang kemudiannya diterjemahkan oleh Ernest Fouinet, salah seorang sasterawan Perancis yang giat mempelajari bahasa-bahasa Timur termasuk bahasa Melayu. Jelasnya, pantun mempamerkan keunggulan bakat kreatif masyarakat Nusantara dalam berkongsi warisan bersama. Tambahan lagi, "pantun telah lama menjadi sebahagian daripada identiti rakyat yang disematkan dengan nilai-nilai



estetika, pedoman, iringan muzik dan budaya masyarakat” (Muhammad Salleh, 2023, ms. 49).

Ternyata, pantun menjadi satu sumber khazanah masyarakat Melayu yang sangat tinggi nilainya sehingga menjadi sumber kajian ramai sarjana baik dalam dan di luar alam Melayu. Terdapat banyak kajian yang pernah dilaksanakan oleh pengkaji Barat tentang pantun. Menurut Muhammad Qhidir Mat Isa, kajian tentang pantun dimulakan oleh beberapa pegawai Inggeris dan Belanda yang sangat tertarik dengan budaya ini. Antara pengkaji orientalis terawal adalah Johannis Christopher Lorberi (1688) dengan transliterasi pantun Melayu-Latin. Kemudian, diikuti oleh William Marsden yang terawal membincangkan secara mendalam proses dan fitur pantun Melayu dalam transliterasi pantun Melayu-Inggeris, iaitu *Grammar of Malayan Language, with an Introduction and Praxis* (1812).

Kemudiannya diikuti oleh nama-nama lain seperti R.O. Winstedt dan R. J. Wilkinson, *A History of Classical Malay Literature* (1969), Francois-Rene Daillie, Alam Pantun Melayu: *Studies on the Malay Pantun* (1990), A. W. Hamilton, *Malay Pantuns* (1959), manakala J. Crawford, C. A. Van Ophuijsen, H. Overbeck, A. Hamilton, M. G. Emies, C. Hooykaas, L. Phillip Thomas dan C. Hugh Holman. Victor-Marie Hugo pula adalah orientalis yang bertanggungjawab mengeksport seni pantun ke dunia sastera Eropah dengan nama lain ‘pantoum’ dalam catatannya, *Les Orientales* (1829).

Daripada catatan tersebut, muncullah Ernest Fouinet, penyair Perancis yang mempopularkan seni pantun ke dalam literatur moden Eropah sekitar abad ke-19



dan ke-20. Di Amerika Syarikat, nama-nama yang turut sama mempopularkan seni 'pantoun' ini antaranya Anne Waldman, Donald Justice melalui karya John Ashbery *Some Trees* (1959). Di Sri Lanka pula terdapat seni hampir yang sama dengan pantun yang dinamakan 'phantong' dan dicirikan dengan seni bahasa percampuran antara Melayu, Sinhala dan Tamil. Di samping itu, dalam budaya beberapa suku asli Nusantara terdapat istilah budaya yang sehomofon dan serupa dengan pantun seperti Minangkabau dengan 'panuntun', iaitu sastra lisan yang menjadi panduan tatasosial, Tagalog dengan 'tonton', bermaksud tersusun, Bisaya dengan 'panton' bermaksud mendidik, suku Toba dengan 'pantun' bermaksud kesopanan dan kehormatan.

Chong (2006) dalam tulisannya juga pernah menyebutkan bahawa terdapat penglibatan golongan Baba dalam pengucapan puisi pantun Melayu. Penglibatan ini sudah menjangkau usia 115 tahun yang bermula dengan seorang mualaf yang bernama Mohamad Moor Ta Kup. Beliau telah menerbitkan kumpulan pantunnya berjudul *Ini Pantun Karang-Karangan* pada tahun 1889 di Koh Yew Hean Press, di Singapura. Golongan penulis Baba ini juga terlibat dalam usaha penterjemahan dan dikatakan menterjemahkan karya roman klasik China ke bahasa Melayu rendah (*Low Malay*) secara besar-besaran. Usaha terjemahan itu bukan sekadar muncul sebagai satu bentuk industri baharu, malah membawa dampak ke atas pertumbuhan sebuah gejala Baharu, iaitu kebudayaan Baba (Chong, 2006).

Bukan sahaja kaum Cina, pantun Melayu turut terkenal dalam kalangan masyarakat India, khususnya golongan Ceti Melaka. Menurut Airil Haimi Mohd Adnan dan Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay (2020) bukan sahaja Ceti Melaka berjaya mengamalkan tradisi kesusasteraan orang Melayu yang mereka temui dan tinggal





bersama, bahkan mereka juga mengadaptasi bahasa dan bentuk sastra orang Melayu untuk menjadi sebahagian daripada identiti kacukan mereka yang tersendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa pantun Melayu Ceti Melaka bukanlah paradoks atau bentuk pantun Melayu yang lebih kecil tetapi ia adalah gabungan dua pandangan dunia dan pengalaman hidup yang unik.

Malah, Chetti Melaka beranggapan bahawa “pantun Melayu adalah milik setiap orang termasuk orang Melayu, India Peranakan (Ceti Melaka), Cina Peranakan (atau Baba dan Nyonya) dan juga Portugis Peranakan” (Airil Haimi Mohd Adnan & Indrani Arunasalam Sathasivam Pillay (2020, ms. 18). Jelasnya, pantun Melayu bukanlah karya sastra yang asing kepada pengarang bukan Melayu, malah ia juga dianggap sebagai milik kaum lain di Malaysia, khususnya kaum Baba dan Nyonya, Ceti serta Peranakan Portugis di Melaka. Pantun dalam konteks kepelbagaian pemilik ini menjadi satu daya tarikan seni budaya yang sangat menakjubkan yang mampu menarik keinginan pengkaji dan sarjana luar negara untuk mengkajinya.

1.3 Pernyataan Masalah

Meskipun puisi pantun sangat popular dan dikenali dalam masyarakat Melayu, namun tidak ramai dalam kalangan kaum bukan Melayu yang terlibat secara serius dalam usaha mengumpul, menggubah dan menerbitkan pantun-pantun dalam bahasa Melayu. Dalam kalangan kaum Cina hanya beberapa orang sahaja dalam kalangan pengarang kaum Cina Malaysia yang terlibat dalam menggubah pantun Melayu. Meskipun pernah dibuktikan bahawa kaum Cina berketurunan Baba dan Nyonya pernah menghasilkan





pantun Melayu, namun pada hakikatnya fenomena itu berlaku beberapa dekad yang lalu. Demikian juga dalam kalangan kaum India, terdapat golongan Chetti yang mempopularkan pantun Melayu, khususnya Chetti di Melaka.

Hakikatnya, serupa dengan kaum Baba Nyonya yang pernah mempopularkan pantun Melayu dalam kehidupan mereka, namun penglibatan kaum bukan Melayu pada masa kini dapat dikatakan tidak ketara dan tidak menunjukkan keinginan untuk memelihara, mengumpul, menggubah dan menerbitkannya. Cuma, penglibatan seorang pengarang Cina era 1960-an, iaitu Goh Then Chye yang kelihatan berjaya mengumpul, menggubah dan menerbitkan buku kumpulan pantun Melayu pada tahun 1961. Usaha yang dilakukan oleh Goh Then Chye adalah sangat penting dan mempunyai signifikasinya yang tersendiri. Hal ini menjadi suatu perkara yang menarik perhatian untuk pembaca atau pengkaji melihat jauh ke dalam fikiran dan pandangan hidup pengarang sehingga mampu mengolak, menggubah, menulis pantun dalam bahasa Melayu dan menerbitkannya.

Buku yang dimaksudkan itu berjudul 'Pantun Melayu' yang digubah oleh seorang penulis berketurunan Cina bernama Loo Mun atau nama sebenarnya Goh Then Chye. Penerbitan buku pada tahun 1961 ini menghimpunkan sejumlah 121 buah pantun. Goh Then Chye yang berkelulusan Ijazah Sarjana Sastera dari Universiti Nanyang pernah bertugas sebagai guru di sekolah dan juga pensyarah di Universiti Malaya. Buku *Pantun Melayu* merupakan satu-satunya buku himpunan pantun yang diusahakan oleh penulis berketurunan Cina di Malaysia dalam dekad 60-an. Masih belum ditemui sehingga kini penulis-penulis bukan Melayu selain Goh Then Chye yang menulis dan menggubah pantun Melayu. Sebagai seorang berketurunan bukan Melayu,





penghasilan buku pantun Melayu adalah sesuatu yang luar kebiasaan dan unik. Apakah pantun-pantun gubahan Goh Then Chye juga sama dengan pantun-pantun Melayu lain yang terhasil dari minda dan kreativiti orang Melayu sendiri? Hal ini demikian kerana “pantun sepertimana juga puisi tradisional Melayu lain adalah wadah pengungkapan pemikiran serta falsafah orang Melayu yang merangkumi segenap ruang kehidupan baik di alam nyata mahupun di alam ghaib. Puisi larut dalam jiwa masyarakat tidak hanya sebagai satu hasil kesenian, tetapi juga menjangkau alam mistik, berperanan sebagai wadah pemeliharaan adat, pembinaan sahsiah, pengajaran agama, pengajaran ilmu pengasih, pertahanan, hiburan dan kepercayaan” (Abdul Halim Ali, 2007, ms. 2).

Pantun-pantun hasil gubahan Goh Then Chye sangat menarik untuk diperhalusi bagi mencari titik temu kehalusan bahasa mahupun maknanya supaya dapat dibuktikan sejauh mana pantun yang terhasil dari gubahan penulis bukan Melayu juga mendukung nilai pengajaran dan pendidikan yang boleh diteladani masyarakat sepertimana pantun-pantun yang terhasil daripada penulis Melayu sendiri. Bukan itu sahaja, timbul juga persoalan sejauh manakah aspek keindahan dari segi bentuk dan bahasa yang digunakan dalam pantun-pantun tersebut memiliki keindahan yang sebanding dengan pantun Melayu gubahan pengarang Melayu sendiri? Persoalan-persoalan ini memerlukan jawapan yang bersifat ilmiah supaya dapat membuktikan bahawa pengarang bukan Melayu juga mempunyai daya kreatif seni yang setanding dengan pengarang Melayu dalam penghasilan pantun Melayu.





1.4 Objektif

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan aspek keindahan dalam pantun-pantun Melayu gubahan Loo Mun. Terdapat dua aspek keindahan yang difokuskan untuk dianalisis, iaitu keindahan dari sudut gaya Bahasa, bentuk dan keindahan yang bersifat mengajar dan mendidik masyarakat menerusi nilai-nilai murni dalam pantun-pantun Loo Mun. Bagi mencapai tujuan ini secara khusus ditetapkan dua objektif sepertimana yang berikut:

1.4.1 Mengetahui dan membincangkan jenis unsur-unsur bahasa yang menggambarkan keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun.

1.4.2 Mengetahui dan membincangkan aspek bentuk yang menggambarkan keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun.

1.4.3 Menganalisis nilai murni pantun gubahan Loo Mun Sastera Melayu menerusi konsep keindahan dalam mengajar dan mendidik.

1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Apakah jenis unsur-unsur bahasa yang menunjukkan gambaran keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun?

1.5.2 Aspek bentuk apakah yang menunjukkan gambaran keindahan dalam pantun Melayu gubahan Loo Mun?

1.5.3 Sejauh manakah nilai-nilai murni dalam pantun Loo Mun memberi gambaran keindahan dalam mengajar dan mendidik masyarakat?





1.6 Batasan Kajian

Loo Mun memberi tumpuan kepada nilai moral dan didaktisme yang terpancar daripada aspek keindahan dalam mengajar dan mendidik. Dua aspek ini dikaji kerana ia menjadi asas bagi menilai ketinggian pantun Melayu sebagai wadah yang menyampaikan pendidikan kepada masyarakatnya. Selain dalam pantun, Loo Mun juga menyampaikan nilai-nilai Pendidikan dan moral menerusi peribahasa Melayu. Hasil tulisan, gubahan pantun dan peribahasa Loo Mun diakui ramai pengkaji kerana sarat dengan nilai murni dan pendidikan yang boleh membawa kebaikan kepada masyarakat.

Bagi tujuan kajian ini, fokus hanya diberikan kepada buku *Kumpulan Pantun Melayu* yang mengandungi 121 buah pantun sebagai sumber utama analisis. Pantun-pantun yang termuat dalam buku ini membawa pelbagai tema dan persoalan tetapi masih berligar dalam alam Melayu dan kehidupan masyarakat berbagai kaum di Malaysia.

Sementara itu, dari segi teori, kajian ini memilih teori Puitika Sastera Melayu (1989) yang diperkenalkan oleh Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh. Merujuk kepada konsep keindahan yang dikemukakan oleh Muhammad Haji Salleh menerusi teori Puitika Sastera Melayu, teori ini telah dibincangkan dalam bukunya berjudul *Puitika Sastera Melayu: Satu Pertimbangan* (1989). Teori ini kemudiannya diprincikan dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2000 manakala pada tahun 2021 buku ini diterbitkan semula dalam edisi ketiga.





Idea utama Teori Puitika Sastera Melayu adalah konsep keindahan sastera Melayu yang bertitik tolak pada khazanah genre pantun dan prora Melayu. Dari genre pantun dan prosa Melayu tradisional ini, Muhammad merumuskan dua belas ciri puitika sastera Melayu (dibincangkan lebih terperinci dalam Bab 3). Bagi tujuan kajian ini, aspek keindahan yang dikaji dan dianalisis difokuskan hanya kepada unsur bahasa, bentuk dan nilai murni (moral yang baik) yang bersifat mengajar dan mendidik.

Bagi tujuan kajian ini, buku Puitika Sastera Melayu (2021) edisi Ketiga dirujuk bagi memahami dengan lebih jelas konsep keindahan yang mengajar dan mendidik. Konsep keindahan yang mengajar dan mendidik ini juga diterangkan oleh Abdul Halim Ali (2018) dalam bukunya berjudul *Inti Sari Teori Sastera: Barat dan Malaysia* dan turut dibahaskan oleh Hashim Ismail dalam artikel jurnal (2019). Justeru itu, kajian ini memanfaatkan konsep keindahan yang mengajar dan mendidik sebagai sandaran menganalisis dan menghuraikan aspek keindahan pantun dalam mengajar dan mendidik masyarakat. Konsep ini lebih dekat dengan genre pantun kerana ia menekankan unsur-unsur keindahan pada bentuk, bahasa dan hubungannya dengan nilai pendidikan yang mengajar dan mendidik masyarakat.

1.7 Definisi Operasional

Bagi tujuan memudahkan kefahaman terhadap beberapa istilah yang digunakan secara khusus bagi tujuan kajian ini, maka beberapa istilah tersebut diberikan definisinya mengikut konteks kajian ini. Antara istilah tersebut adalah didaktisme, pantun Melayu, keindahan dalam mengajar dan mendidik, nilai murni serta tema dan persoalan.





1.7.1 Nilai Didaktisme

Didaktisme merujuk kepada “nilai-nilai kebaikan yang membawa pengajaran dan pemupukan nilai murni. Dalam tradisi kesusasteraan Melayu tradisional, aspek keindahan hadir dan membawa makna didaktik, pengajaran daripada ciptaan yang bersifat keagamaan dan sekular” (Braginsky, 1994, ms.47). Namun, konsep didaktisme berbeza dengan keindahan luaran, sebaliknya didaktisme itu larut dalam keindahan dalaman yang mengunjurkan hal-hal yang berfaedah, yang baik-baik, bermoral dan beretika. A. Halim Ali (2020) pula mengaitkan didaktisme dengan aspek moral dengan menyebut bahawa sesebuah karya kesusasteraan yang selari dengan perspektif moral itu adalah teks yang isi karyanya memuatkan tema-tema yang berteraskan didaktisme.



didaktisme, manakala persoalan-persoalannya pula berkait langsung dengan isu-isu atau perkara-perkara yang mendukung didaktisme itu. Dalam konteks kajian ini, didaktisme merujuk kepada nilai-nilai moral yang membawa keindahan dalam pengajaran kebaikan dan berfaedah kepada masyarakat. Unsur didaktisme ini dirujuk kepada pantun-pantun dalam buku *Pantun Melayu* gubahan Loo Mun dengan sorotan khusus dari sudut pengajaran dan pendidikan kebaikan kepada masyarakat.

1.7.2 Pantun Melayu

Pantun adalah karya asli ciptaan masyarakat Melayu di Nusantara, khususnya dalam kalangan masyarakat Jawa kuno, Sunda, Tagalog dan Melayu. Pantun yang





dimaksudkan ini “mempunyai strukturnya yang khusus dan berirama. Pantun yang diterima umum sebagai puisi ciptaan asli orang Melayu bukan saduran atau penyesuaian daripada puisi-puisi Jawa, India, Cina dan sebagainya” (Harun Mat Piah, *et al*, 2000, ms.112). Mulanya, pantun diertikan sebagai “umpama, sepantun maksudnya seumpama” (Gazali Dunia, 1992, ms. 90). Liaw (1993) pula menyebutkan pantun pada mulanya adalah senandung atau puisi rakyat yang dinyanyikan yang sehingga masih dinyanyikan.

Pantun merupakan sejenis karya kesusasteraan yang terikat pada bentuknya yang khusus. Bentuk yang khusus itu adalah;

- a. Mengandungi pembayang dan maksud
- b. Terikat dengan rima yang berselang a/b dengan suku kata akhir yang sama
- c. Terikat dengan jumlah baris yang tetap. Misalnya pantun dua baris, hanya ada dua baris dalam satu rangkap, pantun empat baris mengandungi empat baris dalam satu rangkap.

Abdul Halim Ali (2015) memetik pandangan Harun Mat Piah, *et al* (2000) yang menjelaskan bahawa pantun dapat dikelaskan berdasarkan kepada bentuk atau struktur, tema atau isi, fungsi dan penyebarannya. Malahan, ada antara sarjana yang mengelaskan pantun dari segi bentuk atau struktur yang disebut pantun dua kerat, empat kerat, enam kerat, lapan kerat dan sebagainya. Menjengah segi tema pula memunculkan beberapa jenis pantun seperti pantun nasihat, pantun jenaka, pantun budi dan sebagainya.



Dalam konteks kajian ini, pantun merujuk kepada pantun Melayu yang digubah oleh pengarang bukan Melayu, iaitu Loo Mun atau nama sebenarnya Goh Then Chye. Pantun-pantun ini mempunyai bentuk yang sama dengan pantun-pantun Melayu asli dengan ciri-ciri rima akhir yang sama berselang seli (a/b/a/b) serta jumlah baris dalam rangkap yang sama, iaitu empat baris dalam satu rangkap. Pantun-pantun ini dibukukan mengandungi 121 buah pantun yang digubah dalam bahasa Melayu.

1.7.3 Keindahan dalam Mengajar dan Mendidik

Abdul Halim Ali (2011) menyifatkan konsep keindahan dalam kesusasteraan Melayu tradisional berpusat pada keindahan bahasa dan budi pekerti yang diungkapkan oleh pengarang. Menurut Muhammad Haji Salleh dalam bukunya *Puitika Sastera Melayu* (1989), keindahan menjadi teras pengungkapan pengarang Melayu yang kaya dengan keindahan budi bahasa dan pekerti. Konsep ini menjelaskan bahawa sastera menceritakan kehidupan, mengajar dan membimbing khalayaknya dalam kehidupan itu. Sebuah karya yang baik harus didaktik sifat dan tujuannya.

Menurut Hashim Ismail (2019), Muhammad Haji Salleh beranggapan keindahan adalah sesuatu yang sangat istimewa, berada di luar kebiasaan kerana lebih tersusun, lebih terpilih, lebih merdu, lebih canggih, lebih banyak membawa manfaat, lebih cantik dan lebih membawa kesan. Bahkan, Abdul Halim Ali (2018) menjelaskan *Puitika Sastera Melayu* dapat membantu pembaca atau pengkritik meneroka karya-karya kesusasteraan Melayu bagi tujuan mengangkat nilai keindahan teks kesusasteraan Melayu di samping mencari makna di sebalik keindahan itu dengan hubungan-

hubungan yang berada di luar teks seperti budaya, sikap, pandangan hidup, sejarah dan alam sekitar masyarakat Melayu itu sendiri.

Aspek keindahan tergambar dalam bentuk tekstual dan yang lebih penting dari segi kontekstual menjelma sebagai suatu sarana pendidikan kepada masyarakat. Pendidikan yang sifatnya indah ini pula diyakini oleh Muhammad Hj Salleh sebagai sangat banyak manfaat dan sangat memberi kesan. Ternyata, pantun Melayu gubahan Loo Mun disoroti aspek keindahan tekstualnya dan menonjolkan suatu perspektif fungsi pantun ini dengan unsur keindahannya membawa suatu pengajaran dan mendidik masyarakat dengan nilai-nilai kebaikan dan nilai murni dalam konteks kajian ini.

1.7.4 Nilai Murni

Nilai murni merujuk kepada nilai-nilai kebaikan yang bersifat universal. Dalam konteks pendidikan moral di Malaysia, “nilai universal ini disebutkan juga sebagai nilai-nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia” (DSKP, KPM, 2018, ms.5). Bagi tujuan kajian ini, nilai murni merujuk kepada 18 nilai murni yang ditetapkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Pendidikan Moral (2018) yang diterbitkan oleh Bahagian Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.



1.7.5 Tema dan Persoalan

Tema bermaksud perkara idea dasar dalam karya kesusasteraan. Persoalan adalah perkara-perkara kecil dalam sesuatu karya yang ada hubungannya dengan tema. Persoalan biasanya lebih daripada satu, iaitu semakin panjang jalan cerita sesuatu karya semakin banyak persoalannya. Tema dan persoalan merupakan dua aspek penting dalam menganalisis karya sastera Melayu. Berikut adalah definisi bagi kedua-dua istilah tersebut, iaitu:

a. Tema

Tema dan persoalan dalam kajian sastera Melayu adalah elemen penting yang membantu memahami dan menganalisis karya sastera. Fatin Izny (2024) menjelaskan tema merujuk kepada isu utama atau persoalan pokok yang mendasari sesebuah karya sastera. Pendefinisian ini menjadikan tema sebagai gagasan pemikiran pengarang yang ingin disampaikan melalui karyanya. Tema sering kali dapat diringkaskan dalam satu perkataan seperti perjuangan, kemanusiaan, atau keadilan. Dalam setiap karya, biasanya terdapat satu tema yang jelas, yang dapat dikesan setelah pembaca menghayati keseluruhan karya tersebut.



b. Persoalan

Persoalan pula adalah isu atau pemikiran sampingan yang ingin disampaikan oleh penulis di samping tema. Berbeza dengan tema, terdapat lebih daripada satu persoalan dalam setiap karya. Persoalan ini seringkali muncul melalui gagasan dan peristiwa-peristiwa yang berlaku dalam cerita, dan ia berfungsi untuk memperkukuh tema yang diketengahkan oleh pengarang.

Secara ringkasnya, tema adalah inti atau dasar yang menggerakkan karya, manakala persoalan adalah elemen-elemen yang menyokong dan memperkaya pemahaman terhadap tema tersebut. Kedua-dua tema dan persoalan menjadi elemen yang saling melengkapi dalam analisis sastera. Tema memberikan fokus utama kepada karya, manakala persoalan pula memperluas pemahaman dan memberikan konteks kepada tema tersebut. Maka, pembaca dapat menghayati dan menganalisis karya sastera dengan lebih mendalam dengan memahami kedua-duanya.

1.8 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini sangat penting bagi:

- 1.8.1 Membuktikan bahawa pantun-pantun yang dikarang atau digubah oleh pengarang keturunan Cina dapat mengangkat nilai-nilai murni yang membawa pengajaran dan pendidikan kebaikan kepada masyarakat sepertimana yang terkandung dalam pantun-pantun Melayu asli.



- 1.8.2 Menunjukkan pemikiran pengarang keturunan Cina (bukan Melayu) juga mampu memahami dengan baik pemikiran orang-orang Melayu dari sudut keindahan menerusi puisi pantun yang berperanan sebagai wadah mendidik masyarakat dengan nilai-nilai didaktisme.
- 1.8.3 Dijadikan rujukan asas kepada kajian-kajian lain pada masa akan datang yang bertujuan untuk mengembangkan pengetahuan dan meneroka aspek pemikiran Melayu dalam perspektif penulis bukan Melayu.

